

02 OCT 1998

Abdullah-undang-undang

TIADA YANG TERKECUALI DARIPADA UNDANG-UNDANG, KATA ABDULLAH BADAWI

KUALA LUMPUR, 2 Okt (Bernama) -- Mereka yang mematuhi undang-undang tidak seharusnya takut untuk tinggal di Malaysia seperti yang ditunjukkan oleh rakyat Malaysia yang menikmati kehidupan selesa di negara ini, kata Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini.

Bagaimanapun, beliau berkata tiada siapa pun sama ada yang terkenal, yang berkuasa dan yang berpengaruh kebal daripada undang-undang di Malaysia.

"Jika kita mematuhi undang-undang, tidak ada apa yang harus takut duduk di Malaysia dan ramai orang suka tinggal di Malaysia, menikmati hidup yang selesa di sana," katanya semasa ditemuramah oleh CNBC malam ini.

Abdullah, yang kini berada di New York kerana menghadiri Perhimpunan Agung Bangsa-bangsa Bersatu telah ditanya sama ada penduduk Malaysia dapat berasa selamat berikutan berlaku rusuhan selepas pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim daripada Kabinet dan Umno awal bulan lalu.

"Rakyat Malaysia boleh rasa bagaimana tinggal dalam masyarakat kami...penahanan Anwar bukan tanpa sebab...ini kerana beliau telah melakukan beberapa kesalahan di bawah Kanun Keseksaan," katanya.

Anwar kini ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) kerana memudaratkan keselamatan negara selepas berlaku rusuhan di ibu negara oleh penyokongnya pada 20 Sept lalu.

Beliau telah disabitkan dalam dua kesalahan seksual selepas dua lelaki mengaku bersalah di mahkamah 19 Sept lepas mereka membenarkan Anwar meliwat mereka, satu kesalahan mengikut Seksyen 377D Kanun Keseksaan.

Beliau telah didakwa di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur dan Petaling Jaya minggu ini atas lima tuduhan rasuah dan lima tuduhan melakukan persetubuhan di luar tabii.

Kepada pertanyaan sama ada Anwar akan was dibicarakan secara adil memandangkan kes itu mendapat liputan yang meluas, Abdullah berkata beliau pasti bekas timbalan perdana menteri itu akan diberi pengadilan seadilnya.

Mengenai kemungkinan sekatan ekonomi dikenakan terhadap Malaysia, Abdullah berkata "kami memang bimbang sekiranya dikenakan sekatan tetapi tidak ada sebab mana-mana kerajaan atau institusi mahu mengenakan sekatan terhadap kami kerana apa yang berlaku ke atas Anwar.

"Ini bukan sesuatu yang luar biasa kerana ia boleh berlaku kepada mana-mana individu di Malaysia malah sesiapa saja yang memegang jawatan tinggi dalam kerajaan."

Mengenai pengganti Anwar dan bagi jangka panjang juga pengganti Dr Mahathir, Abdullah berkata: "Umno akan memutuskan mengenai perkara itu, ia sentiasa menjadi tradisi kami."

Abdullah, yang juga salah seorang daripada tiga naib presiden, berkata beliau akan menimbang untuk bertanding bagi jawatan timbalan presiden Umno pada pemilihan parti tahun depan.

"Ia merupakan hak Dr Mahathir untuk menentukan siapa yang akan menjadi timbalannya buat sementara waktu sebelum pemilihan Umno memutuskan penyandang jawatan itu," tambahnya.

Beliau berkata pertandingan bagi jawatan tertentu terutama di peringkat timbalan presiden boleh menimbulkan banyak masalah kepada ahli-ahli Umno kerana mereka perlu membuat keputusan.

"Kami hanya boleh berharap sekiranya ia berlaku, ia hanya sementara kerana mereka perlu memilih seseorang dan kami berharap selepas itu semuanya akan merapatkan barisan," tambahnya.

Mengenai laporan terdapat negara-negara tertentu tidak akan mengambil bahagian dalam forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) di Kuala Lumpur bulan depan berikutan penahanan Anwar, Abdullah berkata ia terpulang kepada negara berkenaan sama ada mahu menyertai atau tidak.

"Bagi kami, kami sedang membuat segala persiapan bagi Apec. Jika mereka tidak mahu datang ke Malaysia, tidak ada apa yang dapat kami buat," katanya.

-- BERNAMA

MAM oba